

TARIKH	24 / 06 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAK
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

## Jemaah umrah meninggal dalam penerbangan balik

**Kuala Lumpur:** Seorang jemaah umrah Malaysia meninggal dunia dalam pesawat Flynas milik Arab Saudi ketika dalam penerbangan pulang dari Jeddah ke Kuala Lumpur, pagi semalam.

Berikut itu, pesawat berkenaan terpaksa membuat pendaratan kecemasan di Colombo, Sri Lanka dan mengakibatkan penerbangan pulang ke Malaysia tertangguh selama 12 jam.

Pengarah Urusan Rayhar Travels Sdn Bhd, Harun Ahmmu berkata jemaah umrah syarikatnya itu dikenali sebagai Zaleha Salleh, 46, dari Kuala Berang, Terengganu dan disahkan meninggal sekitar pukul 8 pagi waktu Colombo akibat sessak nafas ketika berada dalam pesawat.

"Berikut kematian jemaah itu, penerbangan terpaksa berpatah balik dan mendarat di Colombo bagi memberi rawatan dan menguruskan jenazah Zaleha.

"Pihak kami telah meng-

hubungi Konsulat Malaysia di Colombo dan Islamic Je-mah untuk pengurusan je-nazah sehingga selesai sebelum dihantar pulang ke tanah air dalam masa empat hari lagi," katanya ketika dihubungi Bernama.

Harun berkata, pengurusan jenazah mengambil masa yang panjang kerana perlu mematuhi beberapa prosedur sesebuah negara apabila berlaku kematian penumpang di dalam penerbangan dan kapal terbang harus mendarat di lapangan terbang berhampiran untuk pengesahan.

Beliau berkata, syarikat menanggung semua kos pengurusan jenazah sebelum diserahkan kepada waris.

Susulan itu 350 penumpang termasuk 36 jemaah daripada Rayhar Travels Sdn Bhd yang sepatutnya tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada 10.30 pagi semalam ditangguh sehingga 10.15 malam tadi. — BERNAMA